



10 Oktober 2016  
10 October 2016  
P.U. (A) 255

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PASAR (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

### *LICENSING OF MARKETS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PASAR  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi pasar
4. Permohonan untuk lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III

KEHENDAK KHAS UNTUK PASAR AWAM

13. Takrif
14. Lesen pasar awam hendaklah berkenaan dengan ruang tertentu

Undang-  
undang  
kecil

15. Kandungan lesen
16. Kewajipan pemegang lesen pasar awam
17. Pelantikan penama
18. Pengambilan pembantu
19. Larangan membazir air
20. Memuat atau memunggah barang
21. Kawalan kenderaan yang memasuki pasar awam
22. Halangan
23. Mengganggu lekapan elektrik dan air
24. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik
25. Larangan dalam pasar awam
26. Kuasa mengusir
27. Kebersihan ruang sekitar
28. Ruang tidak boleh diserah hak, dipajak, disewa atau disewa kecil
29. Penyitaan dan tuntutan

#### BAHAGIAN IV KEHENDAK KHAS UNTUK PASAR PERSENDIRIAN

30. Peruntukan khas berkaitan permohonan lesen untuk pasar persendirian
31. Kehendak dalam pasar persendirian
32. Bilik sejuk di pasar persendirian
33. Peruntukan khas berkaitan kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang di pasar persendirian
34. Penyediaan barang di pasar persendirian
35. Rawatan air limbah
36. Kerja penyelenggaraan
37. Binatang dilarang

**BAHAGIAN V**  
**PERUNTUKAN AM**

Undang-  
undang  
kecil

38. Larangan
39. Kehendak kebersihan
40. Kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang di pasar
41. Larangan aktiviti penyembelihan
42. Larangan penjualan makanan tidak selamat
43. Waktu menjalankan aktiviti perniagaan
44. Bekalan air
45. Kacau ganggu
46. Kuasa untuk menghendaki maklumat
47. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
48. Pengecualian
49. Penalti
50. Pembatalan dan peruntukan peralihan

**JADUAL PERTAMA**

**JADUAL KEDUA**

**JADUAL KETIGA**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PASAR  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 73(1)(d)(iii), (iv), (v) dan (vi) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 11 Oktober 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air limbah” ertinya air sisa buangan hasil kegunaan harian daripada aktiviti yang dijalankan di pasar persendirian;

“aktiviti perniagaan” ertinya menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di pasar awam atau mengendalikan sesuatu pasar persendirian;

“barang” termasuklah apa-apa haiwan atau daging, ikan, ayam itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau benda makanan yang lain yang mudah musnah bagi tujuan makanan manusia atau apa-apa barang yang lain;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua;

“kenderaan” termasuklah apa-apa bahagian kenderaan yang boleh ditanggalkan atau kontena dengan atau tanpa roda disambungkan;

“pasar” ertinya pasar awam atau pasar persendirian;

“pasar awam” ertinya sesuatu bangunan termasuk tanah yang bersangkutan dengannya atau sesuatu kawasan khusus yang dimiliki, dipajak atau diselenggara oleh atau bagi pihak Datuk Bandar bagi maksud menjual apa-apa barang secara runcit pada setiap hari atau pada hari-hari yang tertentu;

“pasar persendirian” ertinya sesuatu pasar selain daripada pasar awam;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen pasar dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“perkakas” termasuklah bekas, alat-alat, kerusi, meja, kelengkapan atau apa-apa benda lain yang digunakan berkaitan dengan aktiviti perniagaan di pasar.

## BAHAGIAN II PELESENAN

### **Lesen diperlukan bagi pasar**

3. (1) Mana-mana orang boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di sesuatu pasar awam apabila suatu lesen pasar awam dikeluarkan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang boleh mendirikan, mengendalikan atau menjalankan suatu pasar persendirian di mana-mana tempat apabila suatu lesen pasar persendirian dikeluarkan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

### **Permohonan untuk lesen**

4. (1) Tertakluk kepada undang-undang kecil 3, sesuatu permohonan untuk suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh meluluskan atau tidak meluluskan sesuatu permohonan untuk suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Datuk Bandar boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri atau bagi pihak sesuatu perbadanan atau firma, atau seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut untuk hadir bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk suatu lesen.

(4) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;
- (b) bagi pasar persendirian, kesesuaian dan saiz bangunan yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang dicadangkan;
- (c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan;

- (d) bayaran deposit sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil 8;
  - (e) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Kedua; dan
  - (f) apa-apa kehendak yang lain di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan.
- (5) Datuk Bandar boleh, dari semasa ke semasa dan semasa sesuatu lesen masih berkuat kuasa, mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu atau mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.
- (6) Suatu notis bertulis hendaklah diberikan kepada pemegang lesen sebelum Datuk Bandar membuat apa-apa keputusan di bawah perenggan (5).

### **Ketidaklayakan**

5. Walau apa pun undang-undang kecil 4, tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini kepada mana-mana orang—

- (a) bukan warganegara Malaysia;
- (b) berumur di bawah lapan belas tahun; atau
- (c) bagi pasar persendirian, jika bangunan yang dicadangkan olehnya, pada pendapat Datuk Bandar, tidak sesuai untuk digunakan sebagai pasar persendirian atau bangunan yang dicadangkan terletak dalam kawasan yang tidak sesuai untuk menjalankan pasar persendirian yang dicadangkan.

### **Bentuk lesen**

6. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

**Fi lesen**

7. (1) Fi lesen yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua.

(2) Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada fi lesen.

(3) Fi lesen yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak boleh dibayar balik.

**Deposit**

8. (1) Datuk Bandar boleh menghendaki mana-mana orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan untuk membayar deposit sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit untuk memastikan bahawa peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen dipatuhi.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar keseluruhan atau sebahagian deposit.

(3) Sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen, Datuk Bandar hendaklah memberi notis kepada pemegang lesen dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis untuk memberi representasi kenapa depositnya tidak boleh dilucuthakkan.

(4) Datuk Bandar boleh, setelah mempertimbangkan representasi yang dikemukakan oleh pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, memutuskan sama ada untuk melucuthakkan keseluruhan atau sebahagian deposit.

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), Datuk Bandar boleh menghendaki pemegang lesen untuk menggantikan keseluruhan atau sebahagian deposit yang telah dilucuthakkan.

(6) Deposit yang dibayar hendaklah, melainkan dilucuthakkan, dibayar balik kepada pemegang lesen tanpa apa-apa pelarasan bagi faedah atas amaun yang diberikan di bawah perenggan (1) selepas pemegang lesen berhenti menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan.

(7) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar jika dia telah berhenti menjalankan aktiviti perniagaan.

(8) Walau apa pun perenggan (7), pemegang lesen hendaklah memohon kepada Datuk Bandar dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia berhenti menjalankan aktiviti perniagaan itu untuk depositnya dibayar balik.

(9) Sekiranya pemegang lesen tidak memohon untuk depositnya dibayar balik atau depositnya tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan (8), deposit tersebut akan dilucuthakkan dan hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan kerajaan tempatan dan hendaklah menjadi sebahagian daripada hasil kumpulan wang itu.

### **Lesen gantian**

9. Jika Datuk Bandar berpuas hati bahawa suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah hilang, cacat atau rosak, Datuk Bandar boleh mengeluarkan lesen gantian.

### **Pindah milik lesen**

10. (1) Pemegang lesen boleh mengemukakan permohonan untuk memindah milik lesen kepada mana-mana pihak dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan Datuk Bandar boleh meluluskan atau menolak permohonan tersebut.

(2) Fi pindah milik lesen adalah sebanyak lima puluh ringgit.

(3) Walau apa pun perenggan (1), sekiranya berlaku pertukaran entiti atau perubahan nama dalam entiti, pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan sijil pengesahan pertukaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

### **Pembaharuan lesen**

11. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dianggap sebagai permohonan untuk suatu lesen.

(2) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dibuat dalam tempoh enam puluh hari sebelum tarikh tamat lesen itu dan hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri atau bagi pihak sesuatu perbadanan atau firma, atau seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut untuk hadir bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen.

(4) Datuk Bandar boleh memperbaharui atau tidak memperbaharui lesen itu dan hendaklah memaklumkan pemohon keputusannya itu secara bertulis atau melalui apa-apa cara yang lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh Datuk Bandar dan membayar balik deposit kepada pemohon tertakluk kepada undang-undang kecil 8(9).

(5) Suatu lesen jika diperbaharui di bawah perenggan (4) adalah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;
- (b) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Kedua; dan

(c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

(6) Tiada deposit lanjut perlu diberi oleh pemegang lesen jika lesenya diperbaharui.

(7) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada pemegang lesen sekiranya lesen tidak diperbaharui di bawah perenggan (4).

### **Pembatalan lesen**

12. (1) Datuk Bandar boleh membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen;
- (b) pemegang lesen itu telah, sama ada berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk suatu lesen atau pada bila-bila masa selepas suatu lesen dikeluarkan, mengemukakan kepada Datuk Bandar suatu dokumen atau perisyiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (c) pemegang lesen itu tidak menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan selama tempoh tiga bulan berturut-turut tanpa memaklumkan kepada Datuk Bandar; atau
- (d) suatu perintah penggulungan atau perintah kebankrapan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela telah diluluskan.

(2) Pembatalan lesen di bawah perenggan (1) boleh dibuat oleh Datuk Bandar tanpa apa-apa bayaran pampasan kepada pemegang lesen dan Datuk Bandar boleh melucutahkan keseluruhan deposit yang telah dibayar di bawah undang-undang kecil 8.

(3) Sebelum suatu lesen dibatalkan, Datuk Bandar hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemegang lesen menghendaki dia membuat representasi dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis kenapa lesennya tidak boleh dibatalkan.

(4) Selepas tamat tempoh masa yang dinyatakan di dalam notis di bawah perenggan (3) dan setelah menimbangkan representasi pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, Datuk Bandar hendaklah terus mempertimbangkan perkara tersebut dan memaklumkan keputusannya dalam notis bertulis kepada pemegang lesen.

(5) Jika Datuk Bandar memutuskan untuk membatalkan lesen itu, pembatalan lesen itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diserahkan kepada pemegang lesen.

(6) Mana-mana pemegang lesen yang menjalankan aktiviti perniagaan setelah lesennya dibatalkan di bawah perenggan (5) melakukan suatu kesalahan.

### BAHAGIAN III KEHENDAK KHAS UNTUK PASAR AWAM

#### **Takrif**

13. Bagi maksud Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"pemegang lesen pasar awam" ertinya seseorang yang telah diberikan lesen pasar awam oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini untuk menjual atau

menawarkan untuk jualan secara runcit apa-apa barang di sesuatu ruang yang diperuntukkan kepadanya dalam suatu pasar awam;

"ruang" ertinya sesuatu tapak, petak atau gerai dalam mana-mana pasar awam yang diperuntukkan khusus oleh Datuk Bandar kepada seseorang pemegang lesen pasar awam untuk menjual apa-apa barang di dalamnya.

### **Lesen pasar awam hendaklah berkenaan dengan ruang tertentu**

14. (1) Lesen pasar awam yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah berkenaan dengan sesuatu ruang tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya atas suatu permohonan yang dibuat oleh seorang pemegang lesen pasar awam, membenarkan pemindahan ruang ke mana-mana ruang yang lain untuk menjual barang yang sama di dalam kawasan pasar awam itu tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

### **Kandungan lesen**

15. Suatu lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar kepada pemegang lesen pasar awam di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan pemegang lesen pasar awam;
- (b) gambar terbaru berukuran pasport pemegang lesen pasar awam;
- (c) tempoh sah lesen;
- (d) jenis barang yang akan dijual;
- (e) nama, alamat terbaru, nombor kad pengenalan dan gambar terbaru berukuran pasport pembantu yang diambil kerja oleh pemegang lesen pasar awam, jika ada;

- (f) waktu perniagaan;
- (g) ruang yang diperuntukkan; dan
- (h) apa-apa syarat dan sekatan yang lain yang dikenakan oleh Datuk Bandar.

### **Kewajipan pemegang lesen pasar awam**

16. (1) Pemegang lesen pasar awam hendaklah pada setiap masa hadir untuk menjalankan atau mengawasi aktiviti perniagaannya.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika pemegang lesen pasar awam tidak dapat hadir untuk menjalankan aktiviti perniagaannya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah—

- (a) melantik seorang penama di bawah undang-undang kecil 17 bagi menggantikannya; atau
- (b) menutup sementara ruang yang diperuntukkan kepadanya.

(3) Mana-mana pemegang lesen pasar awam yang melanggar perenggan (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan.

### **Pelantikan penama**

17. (1) Sesuatu permohonan untuk seorang penama di bawah undang-undang kecil 16(2) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh—

- (a) menghendaki pemegang lesen pasar awam untuk mengemukakan maklumat lanjut bagi maksud mempertimbangkan permohonan tersebut; atau
- (b) meluluskan permohonan itu tertakluk kepada syarat yang lain atau menolak permohonan itu.

(3) Fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen pasar awam bagi permohonan pelantikan seorang penama hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(4) Seseorang penama yang dilantik di bawah perenggan (2) hendaklah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar ke atas pemegang lesen pasar awam dan mempunyai tanggungan yang sama sebagaimana seorang pemegang lesen pasar awam.

### **Pengambilan pembantu**

18. (1) Pemegang lesen pasar awam tidak boleh mengambil pembantu tanpa kelulusan bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh—

- (a) menghendaki pemegang lesen pasar awam untuk mengemukakan maklumat lanjut bagi maksud mempertimbangkan permohonan tersebut; atau
- (b) meluluskan permohonan itu tertakluk kepada syarat yang lain atau menolak permohonan itu.

(4) Pengambilan pembantu tidak mengecualikan pemegang lesen pasar awam daripada undang-undang kecil 16(1).

(5) Pembantu di bawah perenggan (4) adalah tertakluk kepada—

- (a) peruntukan Undang-Undang Kecil, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar di bawah undang-undang kecil 4(4); dan

- (b) apa-apa syarat yang lain yang ditetapkan oleh Datuk Bandar di bawah subperenggan 3(b).
- (6) Walau apa pun undang-undang kecil ini, mana-mana pemegang lesen pasar awam yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Larangan membazir air**

19. Mana-mana pemegang lesen pasar awam atau pembantunya dilarang membazir air dalam mana-mana pasar awam.

#### **Memuat atau memunggah barang**

20. (1) Pemegang lesen pasar awam tidak boleh memuatkan atau memunggah apa-apa barang dalam sesuatu pasar awam melainkan mengikut masa dan di tempat yang ditetapkan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan dan dipamerkan dalam pasar awam itu oleh Datuk Bandar.

(2) Pemegang lesen pasar awam tidak boleh meninggalkan kenderaannya bagi jangka masa yang lebih lama daripada yang diperlukan untuk memuatkan atau memunggah barang di tempat yang disebut dalam perenggan (1).

(3) Mana-mana pemegang lesen pasar awam yang tidak mematuhi perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

#### **Kawalan kenderaan yang memasuki pasar awam**

21. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) meletakkan kenderaan di mana-mana tempat selain daripada di tempat yang dikhaskan untuk meletakkan kenderaan dalam sesuatu pasar awam; atau
- (b) menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan di pasar awam.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Halangan**

22. (1) Tiada pemegang lesen pasar awam boleh—

- (a) membina pelindung panas atau penutup di atas ruang yang diperuntukkan kepadanya melainkan diluluskan oleh Datuk Bandar secara bertulis;
- (b) menyebabkan atau membenarkan apa-apa barang atau perkakas yang berkaitan dengan aktiviti perniagaannya diletakkan atau ditempatkan di mana-mana tempat melainkan dalam ruang yang diperuntukkan kepadanya dalam lesen;
- (c) bertindak dengan apa-apa cara yang boleh menyebabkan atau mungkin menyebabkan sesuatu halangan atau kesusahan kepada pengguna yang lain dalam sesuatu pasar awam; atau
- (d) mendirikan apa-apa struktur di ruang yang diperuntukkan kepadanya melainkan dengan kelulusan bertulis daripada Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pemegang lesen pasar awam yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Mengganggu lekapan elektrik dan air**

23. (1) Tiada seorang pun boleh mengubah atau mengganggu sesuatu lekapan elektrik atau air yang disediakan dalam sesuatu pasar awam.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik**

24. (1) Tiada sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh seorang pemegang lesen pasar awam di mana-mana kawasan dalam sesuatu pasar awam tanpa kebenaran secara bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu.

(2) Seseorang pemegang lesen pasar awam yang telah memperoleh kebenaran di bawah perenggan (1) untuk membuat sambungan elektrik hendaklah menanggung segala kos dan perbelanjaan untuk sambungan, pendawaian atau pemasangan itu dan hendaklah membayar segala caj elektrik sebagaimana yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

(3) Mana-mana pemegang lesen pasar awam yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

**Larangan dalam pasar awam**

25. Tiada seorang pun dalam sesuatu pasar awam boleh—

- (a) melakukan kakau ganggu;
- (b) meludah;
- (c) membuang apa-apa barang, sisa-sisa, sampah sarap atau bahan buangan yang lain di mana-mana tempat, kecuali ke dalam tong sampah yang disediakan; atau
- (d) mengemis atau meminta sedekah.

**Kuasa mengusir**

26. (1) Datuk Bandar boleh mengarahkan mana-mana orang yang berada di dalam sesuatu pasar awam yang melanggari mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini untuk meninggalkan pasar awam itu.

(2) Datuk Bandar, boleh, jika orang itu enggan mematuhi arahan yang diberikan di bawah perenggan (1), mengusir orang itu dengan menggunakan kekerasan

yang munasabah, jika perlu, dan menghalang orang itu daripada memasuki pasar awam itu.

(3) Walau apa pun perenggan (2), mana-mana orang yang enggan mematuhi arahan yang diberikan oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Kebbersihan ruang sekitar**

27. (1) Pemegang lesen pasar awam hendaklah memastikan kawasan di sekitar yang hampir sekali di hadapan, di belakang atau di tepi ruang yang diperuntukkan kepadanya berada dalam keadaan bersih.

(2) Mana-mana pemegang lesen pasar awam yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Ruang tidak boleh diserah hak, dipajak, disewa atau disewa kecil**

28. (1) Pemegang lesen pasar awam tidak boleh menyerah hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil ruang yang diperuntukkan kepadanya kepada mana-mana orang,

(2) Mana-mana pemegang lesen pasar awam yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Penyitaan dan tuntutan**

29. (1) Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya, menyita, memindahkan dan menahan—

(a) apa-apa barang dan perkakas yang berhubungan dengan aktiviti perniagaan seseorang yang tidak mempunyai lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) mana-mana kenderaan yang diletakkan di mana-mana tempat yang melanggari mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Datuk Bandar boleh melupuskan barang-barang daripada jenis mudah rosak dengan serta merta dengan apa-apa cara yang Datuk Bandar fikirkan sesuai.

(3) Mana-mana orang yang barang, perkakas atau kenderaan disita, dialihkan dan ditahan di bawah perenggan (1) hendaklah menuntut barang, perkakas atau kenderaan itu dalam tempoh yang diberikan oleh Datuk Bandar tertakluk kepada pembayaran apa-apa fi yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan jika tidak ada tuntutan dibuat dalam tempoh yang diberikan, barang, perkakas atau kenderaan itu akan dilupuskan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(4) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa barang, perkakas atau kenderaan yang telah disita dan dilupuskan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Mana-mana orang yang barang, perkakas atau kenderaan yang telah disita, dialihkan, ditahan atau dilupuskan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak berhak menuntut apa-apa pampasan daripada Datuk Bandar.

#### BAHAGIAN IV KEHENDAK KHAS UNTUK PASAR PERSENDIRIAN

##### **Peruntukan khas berkaitan permohonan lesen untuk pasar persendirian**

30. (1) Mana-mana orang boleh menggunakan sesuatu bangunan atau mana-mana bahagian bangunan sebagai pasar persendirian apabila suatu kebenaran perancangan, jika perlu, bagi maksud tersebut telah diperoleh di bawah undang-undang perancangan yang berkaitan dan suatu lesen pasar persendirian dikeluarkan berkaitan dengan bangunan itu atau mana-mana bahagian bangunan itu oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Kehendak dalam pasar persendirian**

31. (1) Dinding sesuatu struktur di dalam sesuatu pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, dicincang, disimpan, dipamerkan atau didedahkan untuk jualan hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter daripada lantai dengan permukaannya diperbuat daripada apa-apa bahan yang sesuai dan mudah dibersihkan atau sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Semua struktur yang digunakan untuk mempamerkan apa-apa barang untuk dijual hendaklah diperbuat daripada apa-apa bahan yang sesuai dan mudah dibersihkan atau sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Peti sejuk, peti dingin beku atau pengokol hendaklah disediakan oleh pemegang lesen pasar persendirian untuk menyimpan daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran, makanan atau apa-apa barang lain yang sesuai.

(4) Mana-mana pemegang lesen pasar persendirian yang tidak mematuhi undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

### **Bilik sejuk di pasar persendirian**

32. (1) Pemegang lesen pasar persendirian hendaklah, jika difikirkan perlu oleh Datuk Bandar, mengadakan suatu bilik sejuk dalam pasar persendirian mengikut pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(2) Pemegang lesen pasar persendirian hendaklah pada setiap masa menyelenggara bilik sejuk itu dalam keadaan baik dan boleh berfungsi dengan efisien.

(3) Pemegang lesen pasar persendirian hendaklah memastikan bahawa barang-barang yang disimpan di dalam bilik sejuk—

- (a) bersih, baik dan bebas daripada pencemaran;
- (b) disusun dengan teratur di dalam petak yang sesuai; dan
- (c) disimpan di bawah suhu yang diperuntukkan di bawah undang-undang kecil 33.

(4) Mana-mana pemegang lesen pasar persendirian yang tidak mematuhi undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**Peruntukan khas berkaitan kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang di pasar persendirian**

33. (1) Semua barang di pasar persendirian hendaklah dikendalikan dan disimpan dengan mematuhi Akta Makanan 1983 [*Akta 281*] dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu dan mengikut kehendak yang berikut:

- (a) semua barang sejuk beku hendaklah disimpan secara berterusan pada suhu di bawah takat beku 18°C dan tidak boleh dinyahsejuk beku sebelum dijual; dan
- (b) daging atau ikan segar hendaklah dijual dalam keadaan sejuk beku pada suhu di bawah takat beku 18°C.

(2) Mana-mana pemegang lesen pasar persendirian yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Penyediaan barang di pasar persendirian**

34. (1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana kedua-dua barang yang halal dan barang yang tidak halal disediakan dan dipamerkan untuk jualan, pemegang lesen pasar persendirian hendaklah—

- (a) meletakkan barang yang halal dan barang yang tidak halal tersebut di ruang yang berasingan; dan
- (b) menggunakan apa-apa perkakas yang berasingan bagi menyediakan dan mempamerkan untuk jualan barang yang halal dan barang yang tidak halal.

(2) Pemegang lesen pasar persendirian hendaklah memastikan bahawa apa-apa perkakas yang digunakan untuk menyediakan dan mempamerkan untuk jualan

barang yang tidak halal diambil daripada dan digunakan di ruang di mana barang yang tidak halal sahaja disediakan dan dipamerkan.

(3) Pada ruang di mana barang yang tidak halal disediakan dan dipamerkan untuk jualan, pemegang lesen pasar persendirian hendaklah menyediakan suatu ruang yang ditetapkan untuk penjualan barang-barang tersebut dan hendaklah pada setiap masa mempamerkan notis yang menyatakan "Barang Yang Tidak Halal Sahaja" di mana-mana bahagian di ruang tersebut yang mudah dilihat.

(4) Bagi maksud undang-undang kecil ini, "barang yang halal" hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 [P.U. (A) 430/2011].

(5) Mana-mana pemegang lesen pasar persendirian yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Rawatan air limbah**

35. (1) Pemegang lesen pasar persendirian hendaklah memastikan air limbah daripada pasar persendirianya dirawat mengikut apa-apa cara dan spesifikasi yang ditentukan oleh Datuk Bandar sebelum air limbah tersebut disalurkan ke dalam alur air awam.

(2) Mana-mana pemegang lesen pasar persendirian yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Kerja penyelenggaraan**

36. (1) Pemegang lesen pasar persendirian hendaklah menyelenggara pasar persendirianya dan peralatan yang digunakan dalam pasar persendirianya supaya berada dalam keadaan bersih dan boleh digunakan pada setiap masa.

(2) Mana-mana pemegang lesen pasar persendirian yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Pemegang lesen pasar persendirian hendaklah mengecat atau mengecat semula pasar persendiriannya atau mana-mana bahagiannya pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Datuk Bandar.

**Binatang dilarang**

37. (1) Tiada pemegang lesen pasar persendirian boleh memelihara apa-apa binatang atau dengan pengetahuannya membenarkan apa-apa binatang memasuki pasar persendiriannya.

(2) Mana-mana pemegang lesen pasar persendirian yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Walau apa pun perenggan (1), pemegang lesen pasar persendirian boleh menyimpan ikan di dalam akuarium di dalam pasar persendiriannya bagi tujuan aktiviti perniagaan atau hiasan dan hendaklah sentiasa menyelenggara akuarium itu dalam keadaan baik dan bersih.

BAHAGIAN V  
PERUNTUKAN AM

**Larangan**

38. (1) Tiada pemegang lesen boleh—

- (a) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;
- (b) mengambil bekerja mana-mana pembantu warga asing di pasar awam;
- (c) mengambil mana-mana warga asing tanpa permit kerja yang sah untuk bekerja di pasar persendiriannya;
- (d) membenarkan apa-apa aktiviti perjudian atau aktiviti yang tidak bermoral atau membenarkan apa-apa perbuatan yang boleh

menyebabkan kacau ganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran pasar; dan

- (e) manjalankan aktiviti yang lain di pasar selain daripada aktiviti perniagaan yang dinyatakan dalam lesennya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Kehendak kebersihan**

39. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) makanan yang ditawarkan untuk jualan hendaklah berada dalam keadaan bersih dan ditutup dengan penutup makanan pada setiap masa;
- (b) perkakas, alat-alat dan lekapan yang digunakan dalam aktiviti perniagaannya hendaklah berada dalam keadaan bersih;
- (c) tiada alatan tidur atau pakaian digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain daripada suatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;
- (d) makanan untuk pelanggan tidak dibungkus dengan kertas tidak bersih atau kertas yang terdapat tulisan di atasnya atau kertas yang bercetak atau dengan bahan yang boleh mencemarkan makanan itu;
- (e) segala perkakas dan alat-alat yang digunakan dalam aktiviti perniagaannya disimpan di tempat yang sesuai dan dalam keadaan bersih;
- (f) pemegang lesen, pembantunya atau pekerja-pekerjanya berpakaian bersih pada setiap masa;
- (g) barang mudah alih dikeluarkan daripada mana-mana bahagian pasar apabila diarahkan oleh Datuk Bandar untuk tujuan kerja-kerja pembersihan dijalankan oleh pemegang lesen; dan

- (h) sampah dikumpul dan dibungkuskan dalam beg plastik dan dimasukkan ke dalam bekas bertutup yang disediakan bagi maksud itu, dan hendaklah menyebabkan supaya semua bekas itu dikosongkan dan dibersihkan seberapa kerap yang perlu untuk menjaga pasar itu supaya bersih dan kemas pada setiap masa.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Kehendak bagi pengendalian dan penyimpanan barang di pasar**

40. (1) Semua barang di pasar hendaklah dikendalikan dan disimpan mengikut kehendak yang berikut:

- (a) penyangkuk untuk menggantung daging atau ikan yang dipamerkan untuk dijual hendaklah diperbuat daripada bahan yang sesuai yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dan hendaklah diganti apabila diarahkan oleh Datuk Bandar;
- (b) perkakas, bungkusan atau apa-apa benda lain yang digunakan bagi menyimpan barang-barang hendaklah bersih dan tahan warna;
- (c) kertas atau bahan yang tidak bersih dan tidak tahan warna tidak boleh digunakan untuk membungkus barang-barang;
- (d) daging dan ikan segar hendaklah dipamerkan untuk jualan pada suhu tidak lebih daripada 2°C;
- (e) daging atau ikan tidak boleh dipamerkan untuk jualan selama lebih daripada empat jam melainkan daging atau ikan itu ditempatkan di dalam suatu kotak sejuk pada suhu tidak lebih daripada 2°C;
- (f) semua alat, bungkusan atau bekas yang digunakan untuk membungkus buah dan sayur tidak boleh dibuat daripada bahan

yang akan mencemarkan atau menukar warna atau rasa buah atau sayur itu, atau menyebabkan buah atau sayur itu dalam keadaan yang memudaratkan kesihatan;

- (g) sayur atau buah hendaklah dibungkus sedemikian cara bagi memastikan bahawa terdapat pengalihan udara yang mencukupi di dalam bungkusan itu supaya wap tidak kelihatan dalam bungkusan itu;
- (h) menggunakan hanya bekas atau bahan pembungkusan yang ditentukan atau dibenarkan oleh Datuk Bandar untuk membungkus makanan untuk jualan;
- (i) tidak membungkus makanan dengan kertas yang tidak bersih atau kertas yang terdapat tulisan di atasnya atau kertas yang bercetak atau dengan bahan yang boleh mencemarkan makanan itu;
- (j) sayur dan buah hendaklah segar dan tidak dinyahhidratkan, dan tidak boleh bertukar warna atau rosak;
- (k) sayur atau buah tidak boleh dipamerkan atau didedahkan untuk jualan selama lebih daripada empat jam melainkan sayur atau buah itu diletakkan dalam suatu persekitaran yang terkawal sebagaimana yang dikehendaki bagi mengekalkan kesegarannya;
- (l) semua bungkusan, alat atau bekas yang telah digunakan terdahulu hendaklah dibasuh sebelum bungkusan, alat atau perkakas itu digunakan semula untuk menghantar atau membungkus barang-barang untuk jualan;
- (m) bungkusan yang telah digunakan terdahulu tidak boleh digunakan semula untuk membungkus barang-barang selain barang-barang daripada jenis yang sama;

- (n) barang-barang tidak boleh dihantar atau dibawa ke dalam pasar tanpa ditutup atau dibungkus mengikut apa-apa cara yang Datuk Bandar luluskan; dan
  - (o) semua alat, bungkusan atau bekas yang digunakan bagi mengisi makanan basah atau makanan cepat rosak hendaklah mempunyai permukaan yang licin dan kalis air.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Larangan aktiviti penyembelihan**

41. (1) Pemegang lesen tidak boleh menjalankan apa-apa aktiviti penyembelihan di mana-mana bahagian pasar.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Larangan penjualan makanan tidak selamat**

42. (1) Pemegang lesen tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa makanan yang tidak selamat untuk dimakan oleh manusia.

(2) Datuk Bandar boleh menyiasat, memeriksa dan menyita mana-mana makanan yang tidak selamat untuk dimakan oleh manusia dan boleh mengarahkan makanan itu dimusnahkan dengan serta merta.

(3) Pemegang lesen tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan daripada Datuk Bandar untuk mana-mana makanan yang disita oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (2).

(4) Walau apa pun perenggan (2) dan (3), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Waktu menjalankan aktiviti perniagaan**

43. (1) Datuk Bandar boleh mengarahkan aktiviti perniagaan di pasar dijalankan dalam tempoh dan waktu yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dan pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan itu.

(2) Datuk Bandar boleh mempertimbangkan sesuatu permohonan daripada pemegang lesen untuk melanjutkan tempoh dan waktu yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (1) setelah menerima permohonan secara bertulis daripada pemegang lesen.

(3) Walau apa pun perenggan (2), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Bekalan air**

44. (1) Pemegang lesen tidak boleh menggunakan mana-mana air selain daripada air daripada bekalan air awam dan tidak boleh menggunakan air paip dari mana-mana tandas bagi menjalankan aktiviti perniagaannya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Kacau ganggu**

45. (1) Pemegang lesen tidak boleh, semasa menjalankan aktiviti perniagaannya, membuat atau menyebabkan atau membiarkan berlakunya apa-apa kacau ganggu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Kuasa untuk menghendaki maklumat**

46. (1) Bagi maksud mengesan punca dan mencegah merebaknya apa-apa jangkitan, Datuk Bandar boleh menghendaki pemegang lesen untuk memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan untuk pemeriksaan apa-apa dokumen, buku atau rekod berhubungan dengan mana-mana orang yang diambil bekerja olehnya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang enggan memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen, buku atau rekod melakukan suatu kesalahan.

### **Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan**

47. Datuk Bandar boleh—

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana pasar persendirian atau suatu bangunan atau mana-mana bahagian bangunan yang disyaki oleh Datuk Bandar dengan sebab yang munasabah digunakan bagi maksud menjalankan pasar persendirian yang lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) meminta daripada pemegang lesen apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan pasar itu dan pemegang lesen atau pekerjaanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.

### **Pengecualian**

48. Datuk Bandar boleh, sama ada dengan atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

### **Penalty**

49. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Pembatalan dan peruntukan peralihan**

50. (1) Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1984 [P.U. (A) 355/1984] dibatalkan.

(2) Apa-apa lesen yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan sebelum Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dibatalkan, atau kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan, yang hanya bagi maksud itu Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

(3) Mana-mana prosiding yang belum selesai atau yang telah dimulakan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan sebelum Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat.

**JADUAL PERTAMA**  
**[*Undang-undang kecil 7*]**

**FI LESEN RUANG PASAR**

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Ruang</i>	<i>Jenis Jualan</i>	<i>Fi Lesen Bulanan (RM)</i>
